

**KEBERKESANAN KAUNSELING KELOMPOK TINGKAH LAKU KOGNITIF  
TERHADAP KEMARAHAN DAN AGRESIF DALAM KALANGAN BANDUAN  
PENJARA LELAKI (THE EFFECTIVENESS OF COGNITIVE BEHAVIORAL GROUP  
COUNSELING ON ANGER AND AGGRESSION AMONG MALE PRISONERS)**

**ABSTRACT**

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan kaunseling kelompok tingkah laku kognitif terhadap kemarahan dan agresif dalam kalangan banduan penjara lelaki di penjara Malaysia. Seramai 40 orang banduan penjara lelaki terlibat dalam kajian ini. Subjek diagihkan kepada kelompok rawatan (N=20) dan kelompok kawalan (N=20) melalui kaedah persampelan bertujuan. Subjek kemudian dibahagikan kepada kelompok kecil (dua kelompok rawatan) dan (dua kelompok kawalan) yang mana setiap kelompok terdiri daripada 10 orang banduan penjara. Kelompok rawatan telah menjalani proses kaunseling kelompok sebanyak lapan sesi. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada State-Trait Anger Expression Inventory-2 (STAXI-2) dan Aggression Questionnaire (AQ) yang digunakan untuk mengukur emosi kemarahan dan tingkah laku agresif. Data telah dianalisis dengan menggunakan analysis of covariance (ANCOVA) pada nilai aras kesignifikanan 0.05. Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam min ujian pra dan min ujian pos pada skala STAXI-2 iaitu keadaan kemarahan, tret kemarahan dan peluahan kemarahan luaran di antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Walaubagaimanapun keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan pada skala peluahan kemarahan dalaman, kawalan kemarahan luaran dan kawalan kemarahan dalaman di antara kedua-dua kelompok tersebut. Keputusan kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam min ujian pra dan min ujian pos pada agresif di antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Beberapa implikasi kajian dan cadangan untuk kajian lanjutan turut dikemukakan.

The aim of this study is to examine the effectiveness of cognitive behavioural group counselling on anger and aggression among male prisoners in Malaysian prisons. A total of 40 male prisoners were involved in this study. Subjects were assigned into treatment group (N=20) and control group (N=20) through purposive sampling method. Subjects were then divided into small groups (two treatment groups) and (two control groups) which each group consisting of 10 prisoners. The treatment groups attended eight sessions of group counselling process. State-Trait Anger Expression Inventory-2 (STAXI-2) and Aggression Questionnaire (AQ) were used as questionnaires to measure anger emotion and aggression behaviour. Data were analysed by using the analysis of covariance (ANCOVA) at 0.05 significant level. The results showed significant differences in the mean of pre-test and post-test on STAXI-2 scales such as state anger, trait anger and anger expression-out between the experimental group and control group. However, the results showed no significant differences for the scales of anger expression-in, anger control-out, and anger control-in between the groups. The results also showed significant differences in the mean of pre-test and post-test on aggression between the experimental group and control group. The implications of the findings and suggestions for future research are discussed.